

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000
September 1999**

PPG 331 – Pentadbiran Am Sekolah

Masa : (2 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 2 muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN: Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

- 1 Huraikan berserta dengan contoh **TIGA** (3) aspek penting yang dinyatakan di dalam Wawasan Pendidikan. Bincangkan sejauh manakah tiga aspek tersebut telah dicapai oleh sekolah yang anda ketahui.
(25 markah)

2. Kokurikulum adalah sebahagian daripada kurikulum. Apakah kaitan di antara kedua-duanya dan bagaimanakah kegiatan kokurikulum dapat dilaksanakan dengan berkesan di sekolah?
(25 markah)

3. Struktur pentadbiran pendidikan di negara ini boleh dibahagikan kepada empat peringkat, iaitu peringkat pusat, negeri, daerah dan peringkat sekolah. Huraikan struktur pentadbiran pendidikan di peringkat pusat (Kementerian Pendidikan).
(25 markah)

4. Bezakan sekolah bantuan modal dengan sekolah bantuan penuh. Bagaimanakah kedua-dua jenis sekolah ini memperolehi sumber kewangan masing-masing?. Jelaskan bagaimana fand tersebut dibelanjakan untuk program kurikulum dan kokurikulum.
(25 markah)

...2/-

5. Pengetua mempunyai tanggungjawab yang penting dan berat dalam pentadbiran dan pengurusan sekolah. Oleh itu peranan pengetua sebagai pemimpin profesional patut diserahkan kepada Jemaah Nazir Sekolah. Bincangkan.

(25 markah)

6. Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1985 mengenai Penubuhan Jawatankuasa Sekolah Sebagai Institusi Masyarakat. Bincangkan konsepnya, strategi serta pelaksanaannya di sekolah. Sejauh manakah pada pendapat anda konsep tersebut berjaya dilaksanakan?

(25 markah)

- ooo0ooo -